



**GC 6423 SUMBER-SUMBER PENDIDIKAN ISLAM**

**PERANAN PENDIDIK  
BERDASARKAN SIRAH NABAWIYYAH**

**PENYELARAS : DR. AB. HALIM TAMURI**

**PELAJAR : ANISAH BINTI ALI (P38989)**

**FAKULTI PENDIDIKAN  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA  
BANGI**

**2007**

## **Peranan Pendidik Berdasarkan Sirah Nabawiyyah.**

<b>Kandungan</b>	<b>Halaman</b>
<b>1.0 Pendahuluan</b>	<b>1</b>
<b>2.0 Definisi</b>	<b>2</b>
<b>2.1 Peranan</b>	<b>2</b>
<b>2.2 Pendidik</b>	<b>2</b>
<b>2.3 Sirah Nabawiyyah</b>	<b>3</b>
<b>3.0 Kerangka Konseptual</b>	<b>4</b>
<b>3.1 Erti Dakwah</b>	<b>5</b>
<b>3.2 Isi Dakwah Islamiah</b>	<b>6</b>
<b>3.3 Tujuan dan Objektif Dakwah</b>	<b>6</b>
<b>3.4 Metodologi Dakwah Rasulullah SAW</b>	<b>6</b>
<b>3.5 Sifat Rasulullah Sebagai Pendakwah</b>	<b>8</b>
<b>4.0 Sifat-sifat pendidik berdasarkan Sirah Nabawiyyah</b>	<b>10</b>
<b>5.0 Peranan Pendidik Berdasarkan Sirah Nabawiyyah</b>	<b>12</b>
<b>6.0 Kesimpulan</b>	<b>17</b>
<b>Rujukan</b>	<b>18</b>

## 1.0 Pendahuluan

Pendidikan adalah antara unsur yang amat penting dalam mentamadunkan manusia. Komponen penting dalam pengurusan pendidikan ialah guru atau pendidik. Sebaik manapun sistem pendidikan, jika gurunya gagal dalam berperanan, sistem itu tidak akan berjaya. Dengan itu, tidak salah jika dikatakan pendidik diibaratkan rukun dan unsur asasi dalam pendidikan.

Berdasarkan faktor yang disebutkan, jelaslah bahawa sistem pendidikan tidak akan berfungsi dengan baik kecuali dilengkapi dengan guru yang berkeelayakan dari semua segi termasuk penghayatan agamanya, akhlak, menguasai bidangnya dengan baik, memiliki pengetahuan yang luas serta kualiti peribadi yang unggul.

Mengiktiraf kepentingan peranan pendidik sebagai pemimpin dalam bidang pendidikan sama ada dalam maupun luar bilik darjah, berikut diutarakan pendapat beberapa sarjana Islam ( Ahmad Kilani Mohamed, 2003) :

- 1) Al-Jambelati dan Abu Futuh al-Tunisi (*Al-Usul al-Hadith Li Tadrisi al-Lughah al-Arabiah Wa at-Tarbiyyah ad-Diniyyah*) : Tajuk-tajuk dalam silibus di semua peringkat pengajian sekolah sememangnya bertujuan membina nilai-nilai unggul dalam diri pelajar dan masyarakat. Peranan ini tidak akan terlaksana kecuaidengan peranan guru yang berkeelayakan yang mampu memindahkan nilai yang termaktub dalam buku yang bersifat kaku menjadi nilai hidup yang bergerak dalam tingkah laku dirinya dan pelajarnya.
- 2) Al-Qabisi : Keperibadian guru mempunyai kesan yang amat mendalam yang mempengaruhi pemikiran pelajar dan tingkah laku mereka. Mereka sangat mudah dipengaruhi oleh guru khususnya dalam usia mereka yang sangat muda. Guru menjadi contoh unggul dalam semua aspek kehidupan termasuk dari segi gerak langkah, tutur kata dan gaya hidupnya.

- 3) Dr. Ahmad Hassan Abid (*Falsafah an-Nizam at-Ta'limi*) : Guru merupakan faktor terpenting dalam sistem pendidikan. Guru yang berkualiti, walaupun berada dalam sistem yang kurang berkualiti, masih mampu memberi kesan yang positif ke arah pembangunan pelajarannya. Dengan bantuan guru, pelajar akan belajar kaedah berfikir yang betul dan memahami cara mengambil faedah dari apa yang mereka pelajari atau lihat dalam kehidupan. Walaupun teknologi dalam pendidikan terus berkembang, ia tidak akan mampu menggantikan peranan guru. Fleksibiliti dalam proses pembelajaran, memberi peluang kepada pelajar bertanya dan berbincang, meraikan kebolehan pelajar yang berbeza dan sebagainya tidak mudah dikendalikan kecuali dengan guru yang mahir.

Sebenarnya terdapat banyak lagi pendapat berkaitan kepentingan pendidik dalam proses pendidikan yang tidak dapat dinyatakan di sini kerana keterbatasan ruang.

## 2.0 Definisi

**Peranan** menurut Kamus Dewan (1993) ialah bahagian, pekerjaan atau tugas yang dipegang.

**Guru atau pendidik**, disebut juga oleh para sarjana Islam sebagai murabbi, muallim, muaddib, alim atau ulama (Abd.Halim El-Muhammady, 1991). Mereka adalah golongan yang terlibat dengan kerja pengajaran ilmu pengetahuan sama ada di sekolah, maktab, universiti atau pun di surau, masjid, pondok atau madrasah. Islam amat memberi penghormatan kepada ahli ilmu. Ini disebabkan fungsi mereka yang luas iaitu mengajar masyarakat tentang hubungan terhadap Allah SWT, hubungan sesama manusia dan hubungan dengan alam.

Firman Allah SWT dalam Surah Faatir:28 :

... إِنَّمَا تَخْشَى اللَّهَ مِنْ عِبَادِهِ الْعُلَمَاءُ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ غَفُورٌ ﴿٢٨﴾

Terjemahan : *Sesungguhnya yang takut kepada Allah di antara hamba-hambanya ialah ulama.*

Sabda Rasulullah SAW:

Terjemahan : *Ulama ialah pewaris para nabi. (Riwayat Abu Daud dan Tirmizi)*

Imam Ghazali dalam Abdullah Ishak (1995) menyatakan :

*'Mereka itu ialah manusia agung dalam alam malaikat, mereka laksana matahari, dirinya terang benderang di samping menerangi pula orang lain. Diri mereka laksana kasturi yang sungguh wangi di samping mewangikan pula orang lain'*

Kedua-dua nas dan pendapat di atas membuktikan bahawa Islam memberi penghormatan kepada ahli ilmu. Ketakwaan kepada Allah SWT adalah hasil kesedaran ilmu yang diwarisi dari para nabi. Menjadi tanggungjawab para ilmuan ini pula untuk menyebarkan ilmu kepada orang ramai. Hanya dengan ilmu saja yang dapat mendekatkan kita pada Allah seterusnya membezakan yang hak dengan yang batil.

**Sirah Nabawiyyah** pula menurut Ahmad Mohd. Salleh (1995) merujuk kepada satu disiplin ilmu yang khusus berhubung dengan perjalanan hidup Rasulullah SAW. Menurut W.Yahya W.Ahmad pula dalam Jurnal Usuluddin 1993, sirah nabawiyyah ialah suatu catatan yang bersangkutan dengan tindak tanduk dan perjuangan Nabi Muhammad SAW, dari mula baginda dilahirkan sehingga kewafatannya.

Firman Allah SWT dalam Surah Al-Ahzab ayat 21.

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ وَذَكَرَ الْآخِرَ اللَّهُ كَثِيرًا ﴿٢١﴾

Terjemahannya : *Sesungguhnya telah ada pada diri Rasulullah itu teladan yang baik bagi kamu iaitu orang yang mengharapkan rahmat Allah Allah SWT dan kedatangan Hari Akhirat dan banyak mengingati Allah.*

Ayat di atas menjelaskan bahawa sirah Rasulullah SAW menjadi perkara utama kepada setiap Muslim bagi menghayati perjalanan hidup Rasulullah SAW. Ia adalah kenyataan yang benar-benar berlaku dengan petunjuk yang sebenarnya dari Allah SWT dan segala tindak tanduk baginda adalah terpelihara dari sebarang kelemahan dan kekurangan. Apa yang berlaku adalah pelaksanaan daripada wahyu Allah SWT (Abdul Hadi Awang dalam Ahmad Mohd.Salleh 1995).


Kehidupan Rasulullah SAW menjadi contoh utama kerana kesempurnaannya : dari masa kanak-kanak yang mempunyai banyak keistimewaan, masa muda dan dewasa dengan sifat amanah sehingga digelar al-Amin dan seterusnya masa tua baginda. Dalam seluruh perjalanan hidupnya, Rasulullah SAW mempunyai akhlak yang paling sempurna.

Firman Allah SWT dalam Surah Al-Qalam : 4)

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ ﴿٤﴾

Terjemahannya : *Sesungguhnya engkau mempunyai akhlak yang sangat mulia*

### 3.0 Kerangka konseptual



Rajah 1 : Kaitan antara Al-Quran dan As-Sunnah dengan pendidik dalam pendidikan.

Rajah di atas merujuk kepada peranan pendidik dalam pendidikan. Ia mesti berpaksi dan bersumberkan al-Quran dan as-Sunnah. Bersesuaian dengan konteks tajuk yang menekankan peranan guru berdasarkan sirah nabawiyyah, as-Sunnah merujuk kepada segala teladan yang bersumberkan Nabi Muhammad SAW sama ada perkataan, perbuatan maupun pengakuan baginda yang dapat diimplementasikan oleh pendidik dalam mendidik.

Dalam melaksanakan tugas sebagai pendidik kepada kaumnya, Rasulullah SAW telah mengguna dan menerapkan konsep dakwah. Ini bersesuaian dengan tugas baginda sebagai utusan akhir zaman sekaligus penamat segala nabi. Ini dapatlah dirumuskan bahawa peranan Nabi Muhammad SAW sebagai pendidik tidaklah terbatas kepada ruang lingkup bilik darjah sahaja, sebaliknya lebih meluas terhadap masyarakat sesuai dengan konsep dakwah itu sendiri. Firman Allah SWT :

وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ  
وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿١٠٤﴾

104. *Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya.*

### 3.1 Erti Dakwah.

Ia adalah ambilan perkataan Arab bererti seruan, panggilan atau ajakan. (Muhammd Salleh Samak, 1983). Dari segi istilahnya, ia bermaksud mengajar atau menyeru manusia secara bersungguh-sungguh supaya beriman kepada Allah dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan larangan-Nya. (Ahmad Mohd. Salleh 1984)

### **3.2 Isi Dakwah Islamiah**

Dakwah Islamiah yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW meliputi dan merangkumi segala yang berkaitan keperluan manusia, sama ada di dunia maupun akhirat. Antara lainnya menurut Ahmad Mohd. Salleh (1995) ialah:

- a) Perimbangan antara peribadatan dan perhubungan kemanusiaan
- b) Keadilan, kebaikan dan menegah kejahatan an mungkar
- c) Mencari rezeki dengan harta yang halal
- d) Manusia dijadikan untuk menyembah Allah SWT
- e) Konsep ilmu pengetahuan Islam tidak hanya setakat alam kebendaan sahaja tetapi boleh sampai ke makrifat.

### **3.3 Tujuan dan Objektif Dakwah**

- a) Melahirkan manusia muslim yang sejati
- b) Menjadikan manusia hidup dengan benar-benar menghayati peraturan, undang-undang dan nilai-nilai hidup yang luhur yang ditetapkan Allah SWT
- c) Melahirkan kehidupan manusia yang sempurna sebagai makhluk Allah yang paling mulia (khalifah Allah)
- d) Melahirkan manusia yang cintakan kedamaian, kerohanian dan kasih sayang antara sesama manusia.
- e) Membersihkan jiwa dan menyucikan hati serta melahirkan roh ketaatan kepada agama dan membesarkan Allah
- f) Membawa manusia kepada tauhid yang ikhlas serta memelihara akidah Islam

### **3.4 Metodologi Dakwah Rasulullah SAW**

Metod atau cara dakwah Rasulullah SAW adalah sangat berkesan kerana ianya dibimbing secara langsung oleh Allah SWT. Firman-Nya dalam Surah An-Nahl :

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَدِلْ لَهُم بِآيَاتِي هِيَ أَحْسَنُ  
إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ ۗ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ ﴿١٢٥﴾

125. Serulah ke jalan Tuhanmu (Wahai Muhammad) Dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; Sesungguhnya Tuhanmu Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalannya, dan Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.

Berdasarkan ayat di atas, metod dakwah Rasulullah yang sewajarnya menjadi garis panduan pendidik dalam mendidik pelajar-pelajarnya terbahagi kepada tiga :

a) Dengan cara bijaksana

Ianya didasarkan kepada corak atau kelas manusia yang akan dihadapi oleh pendakwah atau pendidik. Hikmah ialah tindakan yang berasaskan kebijaksanaan akal dan fikiran yang waras. Rasulullah SAW menggunakan cara ini untuk menyedarkan orang yang diseru supaya kembali kepada kebenaran, kembali kepada seruan hati , logik akal serta memerdekakan diri manusia daripada sikap pak turut. (Muhammad Salleh Samak1983).

b) Dengan cara nasihat yang baik

Seruan dan didikan hendaklah menggunakan kata nasihat atau tunjuk ajar yang baik dan mudah difahami khususnya golongan awam yang kurang mampu berfikir secara kritis dan logik. Rasulullah SAW sendiri umpamanya sentiasa berlemah lembut dalam berdakwah walaupun kadangkala berdepan dengan situasi yang merbahaya dan mengancam. Ini akhirnya menjadikan baginda *role model* yang hebat kepada sasaran dakwahnya. Sikap berlemah-lembut biasanya menimbulkan kesedaran dalam diri manusia tentang sifat kemanusiaan dan berhadapan dengan suasana dakwah penuh kasih sayang dan saling menghargai sasama manusia. Ini membantu keberkesanan dakwah.

c) Berbincang dengan cara yang baik.

Konteks ini menurut Ibn Kathir dalam Ahmad Mohd.Salleh (1995) ialah berbincang dan berdebat dengan cara yang baik, lemah lembut dan menggunakan kata-kata yang halus. Kebaikan dari sikap berlembut diterangkan dalam Surah Ali Imran ayat 159:

فَبِمَا رَحْمَةٍ مِّنَ اللَّهِ لِنْتَ لَهُمْ وَلَوْ كُنْتَ فَظًّا غَلِيظَ الْقَلْبِ لَانْفَضُّوا مِنْ حَوْلِكَ

Terjemahannya : *Maka Dengan sebab rahmat (yang melimpah-limpah) dari Allah (kepadamu Wahai Muhammad), Engkau telah bersikap lemah-lembut kepada mereka (sahabat-sahabat dan pengikutmu), dan kalaulah Engkau bersikap kasar lagi keras hati, tentulah mereka lari dari kelilingmu.*

Cara ini membawa kepada sikap menghormati antara pendakwah dengan orang yang didakwah, dan antara pendidik dengan pelajarinya. Tidak wujud suasana yang menekan sebaliknya tiada yang menang atau kalah dan hakikatnya sama-sama menuju kepada pembaikan dan kebenaran.

### **3.5 Sifat-sifat Rasulullah SAW sebagai pendakwah.**

Kegagalan atau kejayaan tugas dakwah/pendidikan banyak bergantung kepada pendakwah/pendidik itu sendiri. Antara sifat yang ditampilkan oleh Rasulullah SAW sebagai pendakwah sekaligus pendidik ialah : (Ahmad Mohd. Salleh 1995)

- a) memahami agama Allah
- b) Qudwah hasanah
- c) Ada ilmu pengetahuan dan latihan
- d) Memahami Al-Quran dan Al-Hadith
- e) Kuat hujjah dan fasih lidah
- f) Berilmu dan bertakwa
- g) Memudahkan dan bukan menyusahkan
- h) Mempunyai kekuatan, azam dan berani menyatakan kebenaran
- i) Sabar
- j) Tawaduk dan rendah diri

Antara matlamat yang sepatutnya dicapai apabila kita mengkaji sirah Rasulullah SAW menurut Abd.Hadi Hj. Awang (1995) ialah :

- a) Memahami sirah Rasulullah SAW dalam kehidupannya dan situasi yang dialaminya akan meyakinkan kita bahawa Nabi Muhammad itu bukan sekadar seorang tokoh di kalangan kaumnya, bahkan juga seorang Rasul yang disokong dan didokong dengan wahyu dan sentiasa mendapat taufik dan hidayah dari Allah SWT.
- b) Mendapat gambaran yang jelas dari contoh yang paling baik, paling berakhlak dan bernilai tinggi dalam kehidupan yang . Ianya menjadi olah-olah perlembagaan hidup yang wajib dipegang dan semestinya menjanjikan kejayaan di dunia dan di akhirat, yang wujud dalam perjalanan hidup Rasulullah SAW.
- c) Dapat memahami kitab Allah SWT dengan cara yang betul melalui penghayatan dengan merasai roh dan matlamatnya kerana kebanyakan ayat al-Quran itu ditafsirkan oleh peristiwa yang dilalui oleh Rasulullah SAW.
- d) Dapat mengumpulkan pengetahuan yang sebanyaknya tentang Islam sama ada yang berhubung dengan akidah, hukum hakam atau akhlak kerana peribadi Rasulullah SAW itu mengandungi contoh Islam yang sebenarnya.
- e) Menjadi seorang mukmin dan muslim yang dapat meneruskan cita-cita Islam melalui jalan yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW

Kehebatan Rasulullah SAW sebagai sebagai pendidik memang tidak perlu dipertikaikan lagi. Ini diakui bukan sahaja oleh sarjanawan Islam, malah sarjanawan barat juga. Berikut dinyatakan beberapa pendapat :

Meredith Townsend dalam Afzalur Rahman (1980):

*'...Muhammad was a more thorough educator than the modern reformers whose libertarian teachings during the inter-war period in Europe could not measure up to the task of preventing tyranny and war.'*

Robert L.Gullick dalam Afzalur Rahman (1980) :

*'...Muhammad was indeed an educator, the tree of direction to guide humanity towards greater freedom and happiness.. Only the most provincial concept of education would gainsay the legitimacy of placing Muhammad among the great educators of all time for, from the pragmatic standpoint, he who elevates human behaviour is a prince among educator!'*

Afzalur Rahman (1980) pula berpandangan :

*'Muhammad's teaching produced a society with a dynamic culture which left far-reaching marks on human history. Its effect and influences outweighed the limitations of time and space and influenced mankind in its totality, affecting all aspect of life, including social, economic, educational, political and cultural.*

#### **4.0 Sifat-sifat pendidik berdasarkan sirah nabawiyyah**

Dalam konteks pendidikan Islam, sifat pendidik adalah merupakan pra syarat kepada berjaya atau gagal nya sistem pendidikan itu sendiri. Pendidik perlu mempamerkan peribadi mulia supaya boleh dijadikan *role model* atau ikutan para pelajarnya. Rasulullah SAW sendiri sebagai rasul akhir zaman, sebagai pendidik kepada ummahnya, mempamerkan banyak teladan meliputi soal intelektualisme, ketokohan, akhlak dan jasmani untuk dicontohi, baik kepada para pendidik khasnya dan kepada orang ramai umumnya. Pendidik mestilah memaparkan sikap seperti :

- a) Memiliki sifat rabbani sebagaimana firman Allah: Abd.Rahman al-Nahlawy (1995)

*'...Hendaklah kamu menjadi orang-orang rabbani...'* (Ali Imran :79)

Ertinya, pendidik mestilah mengaitkan diri dengan Allah SWT melalui ketaatan kepada syariat-Nya. Jika mereka telah berjaya bersifat rabbani, seluruh kegiatan pendidikannya akan berfokuskan kepada menjadikannya anak didiknya generasi rabbani, yang menjadikan Islam sebagai matlamat hidup.

- b) Menyempurnakan sifat rabbaninya dengan keikhlasan. (Abd.Rahman al-Nahlawy 1995). Ini bererti, pendidik bukan sekadar menambah wawasan keilmuannya, malahan bertujuan untuk menambahkan keredhaan Allah SWT. Mereka secara maksima mungkin menyebarkan kebenaran kepada anak didiknya.

Sifat ini penting sebagai pendorong kejayaan pendidikan. Antara konteks ikhlas di sini ialah pendidik melaksanakan setiap ikrar dan janji, tingkahlaku tidak bercanggah dengan ilmu, amanah, tidak segan mengakui ketidaktahuan sesuatu, sentiasa berusaha menambahkan ilmu dan lain-lainnya.

- c) Bersifat sabar. Pendidik mestilah sedia mengulangi pengajaran dan latihan kepada pelajarannya mengambil kira setiap orang mempunyai kemampuan yang berbeza.
- d) Memiliki kejujuran dengan menerapkan apa yang diajar dalam kehidupan peribadinya. Ini kerana, guru adalah contoh teladan kepada pelajarannya.

- e) Memiliki ilmu dan kaedah pengajaran (Abdullah Ishak, 1995)

Setiap pendidik mestilah mempunyai ilmu Islam yang mendalam sebagai asas. Di samping subjek yang diajar, mereka sepatutnya juga menguasai bidang pengetahuan yang lain juga. Ilmu yang diajar mestilah pada tahap yang meyakinkan diri mereka dan juga pelajarannya. Ini kerana guru adalah pakar rujuk dan dapat dianggap ulama.

Mereka juga perlu bijaksana dan peka dengan pelbagai kaedah pengajaran dan pembelajaran terkini bagi menarik minat dan kesungguhan pelajarannya.

- f) Bersifat zuhud (Abd.Halim El-Muhammady, 1991)

Zuhud ertinya menyampaikan pengajaran bukan kerana sesuatu seperti ganjaran, nama dan lain-lain, sebaliknya mencari keredhaan Allah SWT. Bukanlah pula ini bermakna ganjaran tidak penting, namun ia bukan matlamat utama dalam kerjayanya.

- g) Kebersihan diri (Abd.Halim el-Muhammady, op.cit)  
Bukan saja pendidik perlu kemas dan bersih dari aspek penampilan diri dan fizikal, sebaliknya juga kemas dan bersih dengan keperibadian mulia, hati dan jiwa yang murni seperti tidak riya', pamarah dan lain-lain.
- h) Bersifat halim. (Abd.Halim el-Muhammady, op.cit)  
Seseorang pendidik mestilah berlemah lembut dan sopan santun.
- i) Sebagai bapa/ibu dalam menghadapi setiap muridnya. Abd.Halim el-Muhammady, et.al)  
Pendidik mestilah mempunyai rasa kasih terhadap muridnya, seolah-olah anak sendiri. Ini akan menimbulkan rasa hormat dan sayang pada guru dan seterusnya memudahkan mendidik serta membimbing pelajar kerana adanya ikatan.
- j) Memahami tabiat muridnya.  
Pendidik mestilah mengenali latar belakang pelajar dan tahap kemampuan akal mereka. Ini akan memudahkan penyampaian ilmu dan menyesuaikan cara pengajaran.

## **5.0 Peranan Pendidik Berdasarkan Sirah Nabawiyyah.**

Peranan utama pendidik berdasarkan sirah nabawiyyah ialah memperkenalkan asas-asas agama yang merangkumi tauhid, hari akhirat dan akhlak kepada para pelajarnya . (Afzalur Rahman;1980:12-62). Begitu juga dengan konsep peribadatan .Prinsip tauhid adalah asas kepada diutuskan Rasul. *'Dan sesungguhnya Kami telah mengutuskan Rasul pada setiap ummah untuk menyeru : Sembahlah Allah saja dan jauhilah taghut itu...'*(surah an-Nahl 16:36) Prinsip tauhid amat penting kerana boleh membebaskan manusia dari menghambakan diri kepada manusia atau makhluk lain. Sebaliknya, mereka

akan tunduk secara hakiki kepada penciptanya dan seterusnya terlindung dari menyengutkan Allah SWT.

Mendidik tentang hari akhirat adalah penting kerana ia berganding rapat dengan konsep tauhid. Dengannya, manusia akan insaf bahawa mereka bertanggungjawab terhadap segala perbuatan mereka di dunia. Hidup di dunia bukan sia-sia sebaliknya akan kembali menerima pembalasan Allah di hari akhirat nanti. Dengan keyakinan ini, manusia akan membina peribadi yang kukuh mengikut yang digariskan Islam dan sentiasa cuba mencari keredhaan Allah SWT.

Akhlag adalah sangat sinonim dengan pendidikan Rasulullah SAW. Ini diperjelaskan dalam hadith baginda, *'Sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan akhlak'*. Asas akhlak yang dibawa baginda meliputi akhlak terhadap Allah SWT, akhlak sesama manusia dan akhlak terhadap makhluk lain. Jika semua ini dipatuhi baik oleh pendidik yang mengajar maupun murid yang menerima ilmunya, manusia akan berperanan sebaiknya sebagai khalifah Allah di muka bumi ini.

Melalui ibadat pula, ia akan menghubungkan seseorang hamba dengan penciptanya. Ini akan melahirkan ketaatan dan sifat tawaduk yang tidak berbelah bagi.

Keberkesanan pendidikan Rasulullah SAW bersifat sepadu, meliputi aspek intelektual(kognitif),rohani dan jasmani (psikomotor).Teliti ayat 1 Surah Al-'Alaq berikut :

أَقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ ﴿١﴾

Terjemahan : *Bacalah dengan menyebut nama Tuhanmu Yang Menciptakan.*

Ayat di atas memberi penekanan kepada membaca yang menggambarkan kepentingan ilmu dan menyebut dengan nama Tuhan yang menggambarkan agama. Seterusnya dalam perkembangan sirah,Rasulullah SAW menyampaikan agama dan ilmu pengetahuan secara serentak atau sekaligus, melambangkan agama dan ilmu adalah dua

elemen yang berkaitan antara satu sama lain bagi mencapai matlamatnya. (Abdullah Ishak,1995)

Dalam Islam, ilmuan tidak dibenarkan diam membisu. Di sinilah letaknya peranan pendidik untuk menyampaikan ilmu kepada orang ramai. Sebagai pewaris selepas kewafatan Nabi, mereka adalah tempat terhimpunnya khazanah ilmu Allah, baik dari segi fakta maupun tafsirannya. Pendidik merupakan gambaran penghayatan dan tafsiran yang berbentuk amali dalam kehidupan. Ilmu Allah SWT, baik Fardu Ain maupun Fardu Kifayah, perlu untuk pembinaan masyarakat, membimbing yang jahil dan membantu mereka yang memerlukan. Menyembunyikan ilmu merupakan jenayah besar dalam profesion pendidikan. Ia berlaku dalam konteks apabila terdapat pendidik yang enggan mengajarkan ilmu atau tidak bersungguh-sungguh, kurang dayausaha atau tidak ikhlas kerana malas atau kerana didorong oleh kepentingan peribadi.

Pendidik juga berperanan mengajak kepada tauhid yang mutlak. Menurut al-Ghazali dalam Abd al-Rahman al-Nahlawi. 1995, pendidik bertanggungjawab menyempurna, membersihkan dan menyucikan hati manusia untuk bertaqarrub kepada Allah SWT. Ini bererti, mereka akan mendidik individu beriman kepada Allah SWT dan melaksanakan syariatnya, mendidik diri supaya beramal soleh dan mendidik masyarakat untuk saling menasihati dalam melaksanakan kebenaran, beribadah kepada Allah serta menegakkan kebenaran.

Selain dari itu, pendidik juga sebagai `warathatul anbiya' yang berfungsi amar makruf nahi mungkar, menjadikan prinsip tauhid, sebagai asas kegiatan penyebaran misi iman, islam dan ikhsan.

Menurut Syed Hossein Nasr (1987), pendidik adalah *murabbi* (a trainer of souls and personalities) yang bertanggungjawab dalam pembangunan akhlak dan bukan hanya *mu'allim* (a transmitter of knowledge). Rosnani Hashim (1996) pula melihat tugas guru sebagai *muaddib*, iaitu bertanggungjawab dalam penerapan adab (disiplin dalam pemikiran, fizikal dan rohani). Ketiga-tiga istilah tersebut menekankan peranan guru dalam

pembangunan akhlak dan diri pelajar. Halstead (1995) menjelaskan guru sangat disanjung dan diharapkan bukan kerana ilmu semata-mata, tapi juga mestilah mempunyai personaliti dan komitmen terhadap Islam yang boleh dicontohi oleh pelajar mereka, tanpa rasa ragu.

Ini bererti pendidik berperanan membentuk nilai dan akhlak yang baik di kalangan anggota masyarakat. Mereka adalah pemimpin, pembimbing dan pengajar ke arah kehidupan yang selamat dan sejahtera. Konsep 'Kepimpinan Melalui Teladan' dan 'Kalau Guru Kencing Berdiri, Anak Murid Kencing Berlari' umpamanya menggambarkan betapa besarnya harapan masyarakat terhadap para pendidik dan pentingnya peranan mereka.

Peranan pendidik yang seterusnya ialah membentuk insan luhur yang berguna kepada masyarakat dan negara. Ini amat bertepatan dengan tujuan dan matlamat pendidikan itu sendiri iaitu membentuk kesempurnaan pembinaan insan. Melihat kepada Falsafah Pendidikan Islam yang bersifat sepadu dan seimbang, guru perlu terlebih dahulu bersifat luhur. Pendidik juga pendakwah yang perlu menyedari bahawa Islam adalah ad-Din, bukan sekadar berkisar persoalan akidah, syariah dan akhlak, bahkan sistem hidup yang mengaitkan hubungan manusia dengan manusia, dengan Allah SWT dan dengan alam sekeliling. Pendidikan Islam memperimbangkan antara kepentingan individu dengan kepentingan ummah. (Ghazali Basri, 1987)

Oleh itu, pendidik mesti membekalkan sebanyak mungkin nilai luhur dan baik untuk generasinya selain berusaha memperbaiki keadaan masyarakat semasa. Dalam konteks ini, jelas sekali guru di sekolah adalah juga pendidik terhadap kaum keluarganya. Perubahan nilai sosial mestilah bermula daripada perubahan individu, kemudian keluarga atau rumahtangga dan diikuti oleh masyarakat.

Pendidik juga adalah ejen perubahan sosial dalam masyarakat. Mereka berperanan mengenalpasti pelbagai bentuk kekangan dan masalah dalam masyarakat yang menghalang kepada wujudnya ummah terbilang dan mithali. Banyak gejala yang

menimpa umat Islam pada hari ini seperti murtad, penagihan dadah dan lain-lain disebabkan kurang pengetahuan terhadap didikan agama atau kurang penghayatan Islam dalam kehidupan. Oleh itu, pendidik mesti menjadikan dakwah dan tarbiyyah sebagai peranan utamanya serta bersungguh-sungguh merancang dan melaksana agendanya.

Dakwah secara mudahnya ialah seruan menunaikan perintah Allah SWT dan menjauhi larangan-Nya. Tarbiyyah pula merujuk kepada didikan serta pembinaan suasana yang baik dalam diri individu Muslim itu sendiri maupun alam sekitarnya. (Ghazali Basri 1987). Rasulullah SAW menjalankan dakwah dan tarbiyyah sejak awal kerasulan dan berjaya melahirkan individu-individu hebat seperti khulafa ar rasyidin dan para sahabat. Kesannya yang lain ialah penyakit sosial masyarakat jahiliyyah pada masa itu dapat dibentasi. Ini dapat wujud apabila terbinanya syakhsiah luhur yang tunduk pada kekuasaan Allah SWT. Di sinilah perlunya pendidik melihat dan mencontohi bagaimana kehebatan Rasulullah SAW dalam mendidik ummahnya.

Pendidik juga berperanan membuka minda pelajarannya, mengenalpasti kemahiran dan potensi yang mereka miliki, membina dan mengekalkan potensi baik yang ada pada mereka dan mengarahkan mereka memilih corak kehidupan yang terbaik untuk masa depan mereka. Pengembangan potensi ini melibatkan rohani, akal dan jasmani pelajar yang bersifat seimbang dan harmoni .

Sebagai rumusan, fungsi penting yang dimainkan oleh pendidik menurut Abdurrahman An Nahlawi(1983) ialah :

Pertama: fungsi penyucian; ertinya seorang guru berfungsi sebagai pembersih dan pemelihara diri, pengembang serta pemelihara fitrah manusia.

Kedua : fungsi pengajaran; ertinya seorang guru berfungsi sebagai penyampai ilmu pengetahuan dan berbagai keyakinan kepada manusia agar mereka menerapkan seluruh pengetahuannya dalam kehidupan sehari-hari.

## **6.0 KESIMPULAN**

Setiap pendidik perlu mempunyai tujuan dan matlamat pendidikan yang jelas. Ini penting kerana keberkesanan pendidikan bergantung kepada mereka. Penglibatan mereka juga mestilah menyeluruh dan bersepadu, merangkumi aspek rohani, jasmani, emosi dan intelek kerana yang akan dibangunkan ialah insan, bukan material ataupun haiwan.

Teras pendidikan mestilah kembali kepada al-Quran dan as-Sunnah kerana ia dianggap perlembagaan yang sangat lengkap untuk membimbing pendidik menjalankan peranannya. Konsep dakwah dan tarbiyyah mestilah dijadikan landasan perjuangan dan profesion oleh para pendidik.

Mengakhiri, penulisan ini ialah muhasabah yang kita perlu fikir bersama : Sejauhmanakah kita sebagai pendidik telah menjalankan amanah pendidikan dan adakah ianya menepati sebagaimana amanah yang Rasulullah SAW jalankan ketika mendakwah dan mendidik ummatnya dulu? Semoga kita akan sentiasa mmenjadi pendidik yang sentiasa peka dengan tuntutan semasa dan dirahmati Allah SWT.

## **Rujukan.**

Al-Quran al-Karim

Abd.Hadi Hj. Awang. Fiqh Harakah dari Sirah an-Nabawiyah dalam Ahmad Mohd. Salleh .(1995)

Abd. Halim El-Muhammady (1991). *Pendidikan Islam: Falsafah, Disiplin dan Peranan Pendidik*. Selangor : Dewan Pustaka Salam.

Abd.Rahman al-Nahlawy (1995) *Usul al-Tarbiyah al-Islamiyyah fi Baiti wa al-Madrasah wa al-Mujtama*, Terjemah. Shihabuddin , Drs., Jakarta : Gema Insani

Abdullah Ishak. 1995. *Islam dan Pengaruhnya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Afzalur Rahman .1980. *Muhammad the Educator of Mankind*. London : Muslim Trust of London.

Ahmad Kilani Mohamed. 2003. *Pengurusan Pendidikan di Sekolah; Huraian Menurut Perspektif Islam*. Skudai : Penerbit Universiti Teknologi Malaysia

Ahmad Mohd. Salleh. 1984. *Kursus Pendidikan Islam Jilid 11*. Kota Bharu : Pustaka Aman Press

Ahmad Mohd. Salleh. 1995. *Pendidikan Islam (Dinamika Guru)*. Kuala Lumpur : Fajar Bakti

Ghazali Basri. 1987. Peranan Pendidikan Dalam Pembentukan Ummah. *Jurnal Pendidikan Islam*. Dis. 2 (6): 20-23

Kamus Dewan. 1993. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Halstead, John Mark. 1995. Towards a Unified View of Islamic Education. *Islam and Christian Muslim Relations* 6(1): 25-43

Muhammad Salleh Samak. 1983. *Ilmu Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Rosnani Hashim.1996. *Educational Dualism in Malaysia*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Syed Hossein Nasr.1987. *Traditional Islam in the Modern World*. London : Kegan Paul.

Wan Yahya Wan Ahmad. 1993. Sirah Nabi Dari Sudut Sejarah. *Jurnal Usuluddin* (1) : 47-51

